

International Journal of Law, Government and
Communication (IJLGC)Journal Website: <http://ijlgc.com/>

eISSN: 0128-1763

**TINJAUAN TENTANG KESAN COVID-19 DAN ISU
PERUNDANGAN TERHADAP PERUSAHAAN KECIL DAN
SEDERHANA (PKS) DI MALAYSIA***AN OVERVIEW OF EFFECTS OF COVID-19 AND THE LEGAL ISSUES TO
SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (SMEs) IN MALAYSIA*Wong Hua Siong^{1*}, Azwina Wati Abdull Manaf², Jalilah Mohd Ali³.

¹ Calon PhD, Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Malaysia

Email: wonghuasiong@yahoo.com

² Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Multimedia (MMU), Melaka, Malaysia

Email: azwina.manaf@mmu.edu.my

³ Peguambela & Peguamcara, Tetuan Razmien & Co, Melaka, Malaysia

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 01.09.2020

Revised date: 17.09.2020

Accepted date: 29.10.2020

Published date: 06.12.2020

To cite this document:

Wong, H. S., Manaf, A. W. A., & Ali, J. M. (2020). Tinjauan tentang Kesan Covid-19 dan Isu Perundangan Terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (21), 72-82.

DOI: 10.35631/IJLGC.521007.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Malaysia telah dilanda wabak penyakit virus Corona 2019 (Covid-19) pada awal tahun 2020. Bagi menangani penyebaran Covid-19 secara berleluasa, kerajaan Malaysia telah menetapkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18hb Mac 2020. Pandemik yang melanda Malaysia secara mengejut banyak membawa impak kepada ekonomi negara, khususnya perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (PKS) memandangkan perusahaan PKS ini merangkumi perusahaan yang paling penting dalam ekonomi negara. Dalam tempoh PKP ini, banyak aktiviti perniagaan dan ekonomi terjejas dan seterusnya menyebabkan pendapatan bulanan para pengusaha perusahaan kecil dan sederhana berkurangan. Justeru, kajian ini akan mengkaji kesan Covid-19 terhadap PKS dan sama ada peruntukan undang-undang semasa dan polisi semasa dapat melindungi kepentingan PKS dari segi ekonomi. Kajian ini adalah bersifat kualitatif dan melibatkan kajian falsafah dan pandangan-pandangan dalam akademik secara sistematik. Kajian ini bukanlah kajian empirikal sebaliknya bersifat kajian perpustakaan. Hasil kajian ini diharap dapat meningkatkan undang-undang mantap yang memanfaatkan para pengusaha PKS di Malaysia akibat pandemik ini.

Kata Kunci:

Malaysia, Perundangan, Perusahaan Kecil dan Sederhana, Pandemik

Abstract:

Malaysia was hit by the Coronavirus 2019 (Covid-19) outbreak in early 2020. To address the wide spread of Covid-19, the Malaysian government has declared a Movement Control Order (MCO) from 18th March 2020. The Covid-19 pandemic abruptly brought a significant impact on the country's economy, especially Small and Medium Enterprises (SMEs) as these SMEs play important roles in the national economy. During this MCO period, many business and economic activities were affected and in turn, caused the monthly income of small and medium enterprise entrepreneurs to become lesser. Thus, this study will examine the effects of Covid-19 on SMEs and whether the provisions of current laws and current policies are sufficient to protect the interests of SMEs in terms of economic issues. This study is qualitative in nature and involves the study of philosophy and views in academics systematically. This study is not an empirical study but rather a library study. The results of this study are expected to enhance the existing legal framework that will benefit SME entrepreneurs in Malaysia due to this pandemic.

Keywords:

Malaysia, Regulations, Pandemic, Small and Medium Enterprises

Pengenalan

Malaysia telah dilanda wabak penyakit virus Corona 2019 (Covid-19) pada awal tahun 2020. Bagi menangani penyebaran Covid-19 secara berleluasa, kerajaan Malaysia telah menetapkan Perintah Kawalan Pergerakan (kemudian disebut sebagai 'PKP') pada 18hb. Mac 2020 berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.¹ Situasi di Malaysia menyaksikan peningkatan daripada 790 kes pada 18hb. Mac 2020 kepada 23,804 kes pada masa penulisan.² Walau bagaimanapun, kadar kematian Covid-19 di Malaysia masih dikawal dengan baik, iaitu lebih kurang 0.86 peratus berbanding dengan kadar kematian global secara purata di sekitar 2.74 peratus.³ Kadar kesembuhan di Malaysia mencapai lebih kurang 64.77% peratus yang menunjukkan satu angka statistik yang memberangsangkan. Diagram 1 di bawah menunjukkan statistik status Covid-19 di Malaysia pada masa penulisan.

¹ A342.

² Laman web Kementerian Kesihatan Malaysia, www.moh.gov.my. Diakses pada 22/10/2020.

³ Laman web Kementerian Kesihatan Malaysia, www.moh.gov.my dan WHO Coronavirus Disease (COVID-19) Dashboard di laman web <https://covid19.who.int/>. Diakses pada 22/10/2020.




Diagram 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes Covid-19 di Malaysia pada 22 Oktober 2020.

Sumber: Laman web Kementerian Kesihatan Malaysia, CPRC.

Pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia secara mengejut banyak membawa impak kepada ekonomi negara, khususnya Perusahaan Kecil dan Serdehana (PKS) memandangkan perusahaan PKS ini merangkumi perusahaan yang penting dalam ekonomi negara. Perusahaan PKS merupakan tunjang utama ekonomi negara. Sektor ini menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di negara ini dan hampir 40 peratus kepada ekonomi.⁴ Oleh itu, adalah penting bagi kerajaan Malaysia untuk memastikan sektor perusahaan PKS dapat terus cekal dan mampan dalam menghadapi tekanan dan cabaran ekonomi yang melanda negara pada waktu ini. Justeru, kajian ini akan mengkaji sama ada peruntukan undang-undang semasa dan polisi semasa dapat melindungi kepentingan perusahaan PKS dari segi soal ekonomi. Sekiranya tidak, kajian ini boleh menjurus kepada persoalan berkenaan sama ada Malaysia memerlukan kerangka undang-undang yang berkaitan dengan pandemik ini bagi mengatasi segala isu perundangan yang berkenaan dengan penyakit Covid-19 dan kesan pandemik ini kepada para pengusaha PKS di Malaysia. Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin juga meluahkan perasaan simpati terhadap para pengusaha PKS dan beliau juga banyak menerima keprihatinan daripada Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Majlis Tindakan Ekonomi Melayu, Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia, USAHANITA dan banyak lagi.⁵ Rata-rata para pengusaha PKS memberikan pandangan bahawa perniagaan mereka amat terjejas dan mereka memerlukan bantuan tambahan daripada kerajaan. Justeru, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi prihatin rakyat (PRIHATIN) yang bernilai RM250 bilion bagi mengurangkan beban seluruh rakyat dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Hal ini termasuklah golongan yang menjalankan PKS seperti Program Subsidi Upah yang diberikan bagi membantu majikan mengekalkan pekerja yang berpendapatan RM4,000 ke bawah. Selain itu, pakej tambahan

⁴ Kerajaan pastikan PKS dapat semua manfaat. (2020, April 7). Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673996/kerajaan-pastikan-pks-dapat-semua-manfaat>.

⁵ Teks ucapan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia, Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Retrieved from <https://www.treasury.gov.my/pdf/Teks-Perutusan-Khas-YAB-PM-Prihatin-PKS-Tambahan.pdf>.

berjumlah RM10 bilion juga disediakan bagi meringankan beban kewangan PKS dan seterusnya menjamin dua pertiga daripada jumlah pekerja di negara ini terus mendapat pekerjaan.⁶ Walau bagaimanapun, PRIHATIN ini hanya untuk sementara dan mempunyai tempoh tertentu. Daripada kerajaan memperkenalkan inisiatif-inisiatif dari masa ke masa, adalah lebih baik kita meninjau kepada persoalan sama ada kita memerlukan satu undang-undang bertulis bagi melindungi PKS pada jangka masa panjang. Objektif yang disasarkan dalam kertas kajian ini termasuk (i) mengkaji sama ada peruntukan undang-undang semasa atau amalan polisi dapat melindungi kepentingan perusahaan PKS dari segi soalan ekonomi; (ii) mengkaji peruntukan undang-undang atau amalan polisi di negara lain seperti Singapura dalam melindungi PKS (iii) meningkatkan undang-undang yang sedia ada kepada lebih komprehensif bagi mengatasi impak kepada para pengusaha PKS dan seterusnya memberi manfaat kepada mereka pada masa hadapan.

Metodologi

Metodologi yang digunakan adalah bercorak kualitatif secara keseluruhannya berdasarkan kaedah dokumentasi secara tradisi dan juga melibatkan kajian falsafah dan pandangan-pandangan dalam akademik secara sistematik. Hasil kajian ini diharap dapat mencadangkan satu kerangka undang-undang baru yang memanfaatkan para pengusaha PKS di Malaysia sekiranya Malaysia dilanda penyakit pandemik lagi di masa hadapan. Oleh itu, kajian ini bukanlah kajian empirikal sebaliknya bersifat kajian perpustakaan. Data utama kajian ini terdiri daripada akta dan kes-kes tertentu. Data sekunder pula terdiri daripada buku-buku rujukan tentang perusahaan industri kecil dan sederhana. Kesemua data ini dianalisis menggunakan analisis kandungan. Ringkasnya, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan dokumentasi tradisional untuk mendapatkan penemuan ke atas isu yang dibentangkan.

Tambahan pula, untuk pengumpulan data, penulis juga menggunakan sistem tinjauan dalam talian menggunakan soal selidik yang dikendalikan sendiri yang diedarkan ke 100 responden melalui media sosial. Hasil kajian menunjukkan bahawa penyebaran COVID-19 di Malaysia mempunyai kesan yang signifikan terhadap perniagaan PKS, yang mempengaruhi hampir 87% pemilik perniagaan dalam kajian ini. Dua faktor yang menyebabkan pemilik perniagaan menghadapi kerugian keuntungan, mereka menanggung hutang kepada pembekal kerana kerosakan barang mentah mereka dan ketidakmampuan mereka untuk melakukan penjualan dan akibatnya perniagaan mereka tidak dapat beroperasi kerana kekurangan stok. Hanya 13% pemilik perniagaan dalam kajian ini yang tidak terjejas kerana mereka mempunyai perniagaan dalam talian. Sebilangan dari mereka sudah mempunyai perniagaan dalam talian sebelum pelaksanaan PKP, dan beberapa perniagaan dalam talian responden hanya dimulakan semasa pandemik Covid-19 ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa 76% pengusaha terjejas dengan wabak Covid-19 kerana mereka perlu menutup perniagaan mereka semasa PKP. Responden selebihnya masih menjalankan perniagaan kerana mereka terdiri daripada sektor 'makanan dan minuman'.

Sorotan Literatur

Sepanjang pandemik Covid-19 ini, ramai pengusaha PKS menghadapi masalah pendapatan bulanan akibat PKP yang menghadkan para pengusaha PKS menjalankan perniagaan kecuali perkhidmatan keperluan asas yang disenaraikan di bawah Jadual Peraturan-peraturan

⁶ PM umum pakej tambahan khusus PKS bernilai RM10 bilion. (2020, April 6). Retrieved from <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/04/pm-umum-pakej-tambahan-khusus-pks-bernilai-rm10-bilion/>.
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved


Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 dan Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 2) 2020. Namun demikian, keadaan ini menjadi pulih apabila kerajaan bersetuju aktiviti ekonomi masih boleh dijalankan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. Kewujudan undang-undang Covid-19 adalah perlu bagi mewujudkan kerangka jangka pendek untuk para pengusaha khususnya pengusaha PKS yang terjejas akibat pandemik ini. Walaupun PKP menghadkan kebanyakan aktiviti perniagaan dijalankan dan para penduduk dinasihati duduk di rumah, namun demikian, kebanyakan obligasi kontrak yang dipersetujui sebelum PKP masih mengikat di antara para pengusaha PKS yang telah menandatangani kontrak. Contohnya pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja, pembayaran sewa premis kedai, obligasi untuk menghasilkan produk yang dijanjikan, penempahan tempat hotel yang telah dibayar wang pendahuluan (deposit), pembayaran hutang pinjaman dan perjanjian sewa beli kepada bank dan sebagainya. Sekiranya isu-isu tidak dijelaskan pada masa kini, selepas PKP tersebut ditarik balik, kebanyakan pengusaha PKS mungkin akan menghadapi risiko tidak mematuhi terma perjanjian. Sekiranya pihak yang dituntut tidak mampu membayar tonggakan hutang, kemungkinan besar mereka akan menghadapi risiko bankrupt dan penggulangan syarikat. Sekiranya terdapat undang-undang Covid-19 yang boleh mewujudkan terma bahawa segala hutang akan ditanggungkan secara automatik, maka usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu para pengusaha PKS daripada bebanan hutang.

Majlis Penyelarasan Pembangunan Industri Kecil mendefinisikan industri kecil sebagai sebuah organisasi yang mempunyai aset tetap kurang daripada RM250,000 (Fong, 1987). Hor (September 2001), *The Small and Medium sized Industries Development Corporation* (SMIDEC) mendefinisikan PKS sebagai industri yang mempunyai pulangan hasil jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta dan mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Namun demikian, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia telah menetapkan bahawa bagi sektor pembuatan, Perusahaan Kecil dan Sederhana ditakrifkan sebagai firma yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang dan bagi sektor perkhidmatan dan sektor lain, PKS ditakrifkan sebagai firma yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.⁷ Menurut statistik daripada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia, PKS merupakan tunggak ekonomi negara dan 98.5% pertubuhan perniagaan di Malaysia adalah PKS.⁸

Pembangunan sektor PKS adalah penting bagi memastikan pertumbuhan yang seimbang dan kemakmuran dikongsi bersama dalam peralihan negara menjadi ekonomi yang bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Mohd. Rosli juga berpendapat bahawa sektor PKS mampu memberikan kesan yang positif terhadap pembangunan ekonomi dalam negara (Mohd. Rosli Mohammad, 2003). Seperti yang ditunjukkan oleh carta pai di bawah, PKS telah menyumbangkan RM521.7 billion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKNK) negara pada tahun 2018.

⁷ Retrieved from <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2020-02-11-08-01-24/sme-definition>.

⁸ *Ibid.*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kejayaan Industri Kecil dan Sederhana ('IKS') juga dipengaruhi oleh kerajaan dengan adanya bantuan dan sokongan daripada mereka sebagai pemerintah dalam negara (Moha. Asri Hj. Abdullah, 1997). Di samping itu, sumber modal IKS yang sangat kecil dan tidak mampu untuk menampung modal pusingan (Rahmah Ismail, 2003). Tambahan pula, saiz belian oleh pelanggan juga kecil dan tidak sesuai bagi sistem penjualan secara kredit. Sekiranya tanpa bantuan kerajaan, industri ini mungkin tidak dapat bertahan lama, terutamanya dari segi masalah kewangan. Di samping itu, bagi mengurangkan kos pengeluaran, didapati bahawa sebahagian daripada pekerja dalam IKS terdiri daripada anggota keluarga pemilik. Malah, pengusaha-pengusaha IKS juga banyak menggunakan pekerja separuh masa (Moha. Asri Hj. Abdullah, 1997). Dengan pelaksanaan PKP ini, pendapatan para pengusaha PKS tentu akan terjejas. Oleh itu, peningkatan kos yang mendadak menyebabkan pengusaha perlu bertindak dengan bijak bagi memastikan kestabilan dari segi keuntungan dan mengelakkan daripada kerugian perusahaannya (Mohd. Rosli Mohamad (2003). Bank Dunia juga meramalkan Malaysia berdepan kemelesetan ekonomi bagi tahun 2020, dengan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) dianggarkan pada kadar negatif (-) 0.1 peratus.⁹

Perusahaan PKS di negara kita banyak menghadapi masalah semasa pandemik ini dan Malaysia masih belum mempunyai satu undang-undang khas bagi menjelaskan cara-cara negara kita mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi. Oleh yang demikian, kita seharusnya mempunyai satu undang-undang bertulis yang khas bagi menyelaras kesemua masalah ekonomi semasa pandemik. Pada masa ini, Malaysia mempunyai Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 (Akta 539) yang telah wujud sekian lama di Malaysia. Namun begitu, akta ini tidak banyak membincangkan cara-cara melindungi kepentingan perusahaan PKS terutamanya ketika pandemik. Walaupun pada suatu ketika dahulu, rang undang-undang Akta Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah dicadangkan untuk dibahaskan di Parlimen, namun rang undang-undang ini masih belum diluluskan.¹⁰ Undang-undang di sesebuah negara penting untuk dijadikan alat penting untuk mewujudkan keadaan agar orang sihat dan membantu dalam menjalankan perniagaan.¹¹

⁹ Bank Dunia ramal KDNK M'sia 2020 negatif 0.1%. (2020 Mac 31). Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/517918>

¹⁰ Akta Pembangunan PKS Pemangkin Kemajuan Ekonomi. Retrieved from <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/news/1722-akta-pembangunan-pks-pemangkin-kemajuan-ekonomi-2>

¹¹ Lawrence O Gostin, Public Health Law Reform, Am J Public Health 2001 September; 91(9): 1365–1368.

Menurut Dzulkifli dan Aling, para usahawan terutamanya usahawan tani telah mengalami ketiadaan pendapatan harian akibat rantaian pengagihan yang terjejas disebabkan oleh penutupan operasi sektor sokongan, ketiadaan pekerja, dan rizab tunai yang merosot (Dzulkifli, 2020; Aling, 2020). Perintah Kawalan Pergerakan yang dijalankan bukan sahaja memberi kesan kepada pelakuan dan psikologi manusia seperti kemurungan, gemuruh dan stress (Ghani, 2020), malah turut memberi impak kepada aktiviti ekonomi lantaran penutupan premis peruncitan dan gangguan rantaian penghantaran produk dan seterusnya memberik impak kepada para pengusaha industry kecil dan sederhana di negara kita (Karabag, 2020).

Perbincangan dan Kesimpulan

Kertas perbincangan ini memerlukan pengumpulan data melalui pembacaan dan kajian perpustakaan. Pada peringkat awal, kajian perpustakaan dilakukan bagi melihat kepada kajian lepas yang telah dijalankan (sekiranya ada). Kajian lepas diperlukan kerana ia akan menjadi asas dan memberikan maklumat berkenaan tajuk terkait sama ada yang berasal daripada kajian luar negara mahupun kajian yang dibuat oleh pengkaji dalam negara.

Kajian bacaan adalah dari bahan-bahan bacaan juga akan menjadi data penyokong. Pengumpulan data adalah melalui bahan-bahan bacaan (sorotan literatur). Walau bagaimanapun, masih tidak terdapat banyak bahan-bahan bacaan ini.

Rujukan kepada statut juga adalah penting untuk mengumpul data-data penting mengenai peruntukan-peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam menguatkuasakan undang-undang dalam industri ini. Negara Malaysia mempunyai akta pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit 1988 (Akta 342) dalam memerangi pandemik ini. Akta ini memberikan kuasa kepada Menteri-menteri berkenaan untuk membuat perintah- perintah bersesuaian dari semasa ke semasa demi mengawal merebaknya pandemik ini. Korona Virus 2019 juga telah dimasukkan sebagai penyakit di bawah Pindaan Jadual Pertama Akta 342 pada 9 Jun 2020 melalui P.U. (A)179. Bagi masyarakat dan rakyat yang enggan mematuhi Akta 342 tersebut, mereka juga boleh dikenakan hukuman di bawah Kanun Keseksaan, antaranya Seksyen 269 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman tidak melebihi enam bulan penjara dan denda (tiada had) atau kedua-duanya sekali bagi mereka yang disabitkan kesalahan kerana berlaku cuai menyebabkan merebaknya penyakit yang mengancam nyawa. Di negeri Sarawak, Sarawak mempunyai kuasa untuk melaksanakan peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan COVID-19 di negeri tersebut berdasarkan Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah dalam Kawasan Tempatan Dijangkiti) Peraturan 2020 untuk menguatkuasakan peraturan yang sesuai dengan keperluan serta keadaan di negeri tersebut.

Dalam hal yang demikian, negara jiran kita Singapura telah meluluskan Akta Covid 19 (Langkah-langkah Sementara) 2020.¹² Akta ini telah diluluskan dalam satu hari sahaja. Akta ini memperuntukkan moratoria yang melarang proses tindakan mahkamah dan penggulungan terhadap perniagaan yang paling rentan sepanjang tempoh PKP ini. Mana-mana yang melanggar peruntukan moratoria ini dianggap sebagai kesalahan jenayah. Namun demikian, polisi haruslah dijalankan dengan lebih teliti bagi mengelakkan risiko penyalahgunaan kuasa. Peruntukan moratoria ini banyak dilaksanakan di kemudahan pinjaman, pajakan dan kontrak

¹² COVID-19: Undang-undang khas sementara perlu segera digubal lindungi perniagaan. (2020 Mei 7). Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686248/covid-19-undang-undang-khas-sementara-perlu-segera-digubal-lindungi>

pembinaan dan pembekalan. Ia juga mempertimbangkan kelegaan yang diberikan kepada pengarah dan pegawai entiti korporat, serta peruntukan mengenai perjumpaan dan mesyuarat atas talian. Undang-undang sedemikian akan membantu aliran wang tunai bagi perniagaan mahupun individu, yang mungkin terpaksa membayar ganti rugi, hilang deposit atau harta dilucut hak kerana gagal memenuhi kontrak akibat COVID-19. Akta itu tidak akan melepaskan atau mengecualikan kewajipan dalam kontrak tetapi menggantung mereka dalam satu tempoh ditetapkan iaitu selama enam bulan dari tarikh kuat kuasa. Oleh itu, kerajaan kita seharusnya mempertimbangkan untuk menggunakan undang-undang Singapura ini dengan pendekatan perundangan yang serupa, namun dalam konteks dan kesan yang berbeza.

Di United Kingdom ('UK'), undang-undang telah diperkenalkan pada puncak pandemik Covid-19. Peraturan Perlindungan Kesihatan (Coronavirus) 2020 telah dibentangkan di hadapan Parlimen pada 10 Februari dan berkuatkuasa dengan serta merta. Peraturan ini menyediakan langkah-langkah yang "dapat dianggap sebagai cara yang efektif untuk mencegah penularan Coronavirus yang lebih jauh dan signifikan", mengakui bahawa "kejadian atau penularan Coronavirus merupakan ancaman serius dan segera bagi kesihatan masyarakat". UK telah menerapkan langkah-langkah perundangan sebelum pandemik Covid-19 berkembang menjadi "ancaman serius dan membahayakan kesihatan awam".

Sememangnya pihak kerajaan Malaysia telah mengeluarkan banyak perintah dan polisi untuk mengatasi segala isu yang timbul, khasnya impak kepada ekonomi negara akibat PKP. Namun demikian, Parlimen Malaysia seharusnya menggubal undang-undang Covid-19 bagi mengatasi masalah para pengusaha PKS yang terjejas akibat pandemik ini bagi membangkitkan aktiviti perniagaan di sektor ekonomi kita. Kebanyakan pengusaha PKS tidak dapat bertahan lama dari segi ekonomi akibat impak pandemik Covid-19 ini, khasnya bagi mereka yang terikat dengan kontrak-kontrak tertentu seperti kontrak pinjaman wang, kontrak sewa premis, kontrak sewa beli dan sebagainya. Walaupun selepas PKP ini ditarik balik kemudian, para pengusaha masih memerlukan masa yang panjang untuk memulihkan kerugian yang dialami oleh mereka. Oleh itu, disarankan bahawa kerajaan dapat menghulurkan bantuan yang perlu kepada golongan yang kurang bernasib baik ini dengan termaktubnya undang-undang yang menjaga kepentingan ekonomi para pengusaha PKS.

Pembentukan Undang-undang Covid-19 ini akan membawa manfaat kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) memandangkan peranan kedua-dua kementerian ini dalam perusahaan PKS di Malaysia dan seterusnya membantu para pengusaha perusahaan PKS untuk mengatasi isu ekonomi mereka akibat penyakit pandemik ini. Golongan pemegang kepentingan termasuklah para pengusaha perusahaan PKS di negara kita. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini diharap agar dapat memberi cadangan kepada MITI dan MEDAC dalam melaksanakan polisi bantuan kepada perusahaan PKS serta menjadi garis panduan kepada para pengusaha PKS di negara Malaysia malah kepada rujukan di rantau antarabangsa kelak.¹³

Kajian ini akan membawa manfaat kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) memandangkan peranan kedua-dua kementerian ini dalam perusahaan PKS di Malaysia dan seterusnya membantu para pengusaha perusahaan PKS untuk mengatasi isu ekonomi mereka akibat penyakit pandemik ini. Pada masa yang sama, Kementerian Perdagangan Antarabangsa

¹³ *Ibid.*

dan Industri (MITI) juga telah mengadakan sesi libat urus bersama persatuan industri, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), serta Kementerian dan agensi lain yang berkaitan, termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengenalpasti dan memperhalusi sektor-sektor ekonomi tambahan yang boleh dibenarkan beroperasi. Sekiranya negara Malaysia mempunyai garis panduan atau undang-undang bertulis yang jelas, isu-isu sedemikian dapat diatasi dengan secepat mungkin. Selain itu, mengikut menteri Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, MEDAC juga memperkenalkan beberapa langkah bagi membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perusahaan mikro dan koperasi yang menerima impak akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung penularan koronavirus (Covid-19) termasuklah memberi penangguhan sementara bayaran balik komitmen pembiayaan usahawan dan koperasi di bawah Bank Rakyat, TEKUN Nasional (TEKUN) dan SME Bank.¹⁴ Namun demikian, sekiranya negara Malaysia mempunyai satu undang-undang yang jelas berkenaan bantuan perusahaan PKS akibat impak penyakit pandemik ini, ia sebenarnya bukan sahaja memanfaatkan MITI dan MEDAC malah termasuklah institusi kewangan, persatuan-persatuan dan koperasi PKS ini.

Semasa penulisan, Dewan Rakyat di Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 pada 25 Ogos 2020.¹⁵ Rang undang-undang itu juga bertujuan untuk menyokong Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin PKS dan Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Masa Pendek yang diumumkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin masing-masing pada 27 Mac, 6 April dan 5 Jun lepas serta mengurangkan kesan kewangan dan sosial disebabkan oleh pandemik itu. Selain itu, RUU tersebut juga memberi pelepasan dan kelonggaran sementara daripada tanggungjawab serta obligasi perjanjian atau pematuhan kepada perundangan tertentu bagi suatu tempoh ditetapkan demi kelangsungan hidup rakyat. Keadaan ini bersifat menyokong inisiatif pemulihan ekonomi oleh kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Seksyen 4 RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 telah memperuntukan penubuhan tabung Covid-19 dan tujuan tabung Covid-19¹⁶ boleh digunakan dalam program dibawah penjana rangsangan pakej ekonomi negara yang dinyatakan dalam RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020. Bagi pengusaha PKS yang mengalami kesan impak negatif akibat penyakit Covid-19, mereka disarankan untuk memohon bantuan kewangan yang tertentu dibawah bantuan tabung Covid-19. Di samping itu, RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 juga akan menyaksikan pindaan terhadap 14 akta serta dua ordinan berkaitan termasuk Akta Had Masa 1953; Ordinan Had Masa Sabah; Ordinan Had Masa Sarawak; Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948; Akta Insolvensi 1967; Akta Sewa Beli 1967 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999. Akta lain ialah Akta Distres 1951; Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966; Akta Perhubungan Perusahaan 1967; Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981; Akta Pengangkutan

¹⁴ Covid-19: MEDAC umum langkah proaktif bantu usahawan, koperasi. (2020 Mac 23). Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/75226/KHAS/Koronavirus/Covid-19-MEDAC-umum-langkah-proaktif-bantu-usahawan-koperasi>

¹⁵ Pada masa penulisan, RUU ini masih belum berkuatkuasa

¹⁶ Seksyen 5 RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020.

Awam Darat 2010; Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987; Akta Mahkamah Kehakiman 1964; Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955.

Selain itu, Dewan Rakyat di Parlimen juga meluluskan RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan COVID-19 2020 pada 24 Ogos 2020. RUU ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi langkah sementara berhubung pembiayaan kerajaan untuk mengurangkan kesan akibat COVID-19.¹⁷ Langkah itu antaranya menaikkan had jumlah wang yang boleh diperolehi mengikut Akta Pinjaman (Tempatan) 1959¹⁸ dan jumlah wang yang boleh diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983¹⁹, bagi menubuhkan Kumpulan Tabung Wang COVID-19. Berdasarkan RUU tersebut, kerajaan telah memperuntukkan RM16.8 billion bagi melaksanakan program subsidi upah, insentif pengekalan pekerjaan dan pengambilan pekerja dan bantuan latihan.²⁰ Di samping itu, RUU tersebut juga membabitkan RM11.2 bilion bagi Bantuan Prihatin Nasional, projek berskala kecil (RM4 bilion) masing-masing RM2 bilion untuk program kemahiran dan peningkatan kemahiran serta Pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) PENJANA selain Geran PRIHATIN PKS (RM1.9 bilion).²¹ Selain itu, sejumlah RM500 juta bagi diskaun bil elektrik, bantuan khas pelajar institusi pendidikan tinggi (RM300 juta) dan subsidi pengangkutan awam MY30 (RM200 juta).²²

Dengan meluluskan RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 dan Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan COVID-19 2020 menunjukkan pihak kerajaan Malaysia mengambil berat dan berprihatin terhadap sektor ekonomi negara, termasuklah perusahaan kecil dan sederhana dan sedikit sebanyak dapat membantu para pengusaha PKS untuk menyelesaikan masalah ekonomi dalam keadaan pandemik Covid-19 ini.

Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 masih belum berkuatkuasa lagi pada masa kini kerana masih belum mendapat persetujuan Diraja mengikut Perkara 66 (4) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Persoalannya bilakah RUU ini akan dikuatkuasakan? Oleh itu, pihak-pihak yang berkenaan seharusnya melihat isu ini dengan segera bagi kepentingan para pengusaha PKS di Malaysia.

Rujukan

- Aling, Y. D. (2020). Bantu kami – Penjaja, MyMetro, 18 Mac 2020, retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/555848/bantu-kami-penjaja>
- Akta Pembangunan PKS Pemangkin Kemajuan Ekonomi. Retrieved from <https://www.smeCorp.gov.my/index.php/my/news/1722-akta-pembangunan-pks-pemangkin-kemajuan-ekonomi-2>.
- Bank Dunia ramal KDNK M'sia 2020 negatif 0.1%. (2020 Mac 31). Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/517918>.

¹⁷ RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan COVID-19 2020 dibaca kali pertama. Mohd Iskandar Ibrahim (6/8/2020). <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/718575/ruu-langkah-langkah-sementara-bagi-pembiayaan-kerajaan-covid-19-2020>

¹⁸ Akta 637.

¹⁹ Akta 275.

²⁰ *Supra no. 17*

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*

- Covid-19: MEDAC umum langkah proaktif bantu usahawan, koperasi. (2020 Mac 23). Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/75226/KHAS/Koronavirus/Covid-19-MEDAC-umum-langkah-proaktif-bantu-usahawan-koperasi>.
- COVID-19: Undang-undang khas sementara perlu segera digubal lindungi perniagaan. (2020 Mei 7). Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686248/covid-19-undang-undang-khas-sementara-perlu-segera-digubal-lindungi>.
- Dzulkifli, I. (2020). PKP: Peniaga kecil rayu bantuan kerajaan, Daily Express, 23 Mac 2020, retrieved from <http://www.dailyexpress.com.my/news/149339/pkp-peniaga-kecil-rayubantuan-kerajaan/>.
- Ghani, F. A. (2020). Impak psikologi akibat wabak Covid-19, Astro Awani, 14 Mac 2020, retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/impak-psikologi-akibatwabak-covid-19-233648>
- Hor, A. (2001), The DatumXchange SME Definition, [online] network on 17 June 2002 on the World Wide Web: www.datumxchange.com/smearticle.html
- Ismail Rahmah (2003). Labour market competitiveness and foreign direct investment: The case of Malaysia, Thailand and the Philippines. (2003). In: Economics of Governance. RePEc:spr:ecogov:v:82:y:2003:i:3:p:389-402.
- Karabag, S. F. (2020). An unprecedented global crisis! the global, regional, national, political, economic and commercial impact of the coronavirus pandemic, Journal of Applied Economics and Business Research, 10 (1), 1-6.
- Kementerian Kesihatan Malaysia, www.moh.gov.my.
- Kerajaan pastikan PKS dapat semua manfaat. (2020, April 7). Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673996/kerajaan-pastikan-pks-dapat-semua-manfaat>.
- Mohd Asri Hj Abdullah. (1997). Industri Kecil di Malaysia, Pembangunan dan Masa Depan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rosli Mohammad. (2003). Industri kecil dan Sederhana. Landasan Pembangunan Usawahan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- PM umum pakej tambahan khusus PKS bernilai RM10 bilion. (2020, April 6). Retrieved from <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/04/pm-umum-pakej-tambahan-khusus-pks-bernilai-rm10-bilion/>.
- RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020.
- RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan COVID-19 2020.
- Teks ucapan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia, Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Retrieved from <https://www.treasury.gov.my/pdf/Teks-Perutusan-Khas-YAB-PM-Prihatin-PKS-Tambahan.pdf>.